

Anwar hargai pihak jayakan Kepengerusian ASEAN-Malaysia

Serdang: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam, menyampaikan penghargaan kerajaan kepada semua pihak yang terlibat menjayakan penganjuran Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025.

Perdana Menteri menyatakan demikian pada Majlis Penghargaan Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini, semalam.

Beliau turut menghargai tugas kakitangan kebersihan dan keselamatan yang memastikan Malaysia sentiasa bersih serta selamat untuk menerima kenamaan dan delegasi antarabangsa sepanjang tempoh itu.

Katanya, kerajaan juga sangat menghargai iltizam semua pihak yang bertungkus-lumus mengangkat dan mengharumkan Malaysia ke persada dunia.

"Terima kasih! Saya terasa ringan walaupun memikul amanah berat ini dan sangat bersyukur kerana memiliki semua pihak yang bertindak sebagai satu pasukan dengan iltizam sangat tinggi.

"Bermula daripada tukang cuci hingga ke seni kebudayaan yang dipersembahkan (sepanjang Persidangan ASEAN 2025) begitu mempesonakan.

"PDRM juga menunjukkan prestasi luar biasa, tanpa satu pun insiden yang mengganggu perjalanan persidangan.

"Begitu juga JKDM, Imigre-

sen, pasukan keselamatan swasta dan pelbagai lagi.

"Semua pihak bertugas tanpa mengira lelah dan letih kerana semua berkhidmat kerana Allah untuk mengangkat Malaysia di persada dunia.

"Yang saya nak nyatakan adalah, tugas memang berat tapi saya rasa ringan sekali (kerana) bila lihat selesai taklimat 11.30 malam, 12 tengah malam tercegat lagi pasukan keselamatan, pegawai-pegawai dari Kementerian Luar, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MO-TAC)," katanya.

Serah kepada Filipina

Malaysia menyerahkan Kepengerusian ASEAN 2026 kepada Filipina.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz; Ketua Audit Negara Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi dan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd Khalid Ismail.